

Bandar

**Bicara
Menteri**
muka 7



PERCUMA 5 - 11 JUN 2017 • 10 - 16 RAMADAN 1438

BIL: 9



MAJLIS PELANGCARAN

Rancangan Fizikal Negara Ketiga (RFN3)
Dasar Perbandaran Negara Kedua (DPN2)
Dasar Perancangan Fizikal Desa Negara (DPF Desa)

Tiga dokumen utama dilancarkan PM

RPN panduan pembangunan negara

- Rancangan Fizikal Negara Ketiga
- Dasar Perbandaran Negara Kedua
- Dasar Perancangan Fizikal Desa Negara

muka2





SIDANG REDAKSI

PENASIHAT

YBhg. Datuk Haji Mohammad Mentek

Ketua Setiausaha Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

KETUA EDITOR

Norhayati Abd. Manaf

Ketua Unit Komunikasi Korporat

PENOLONG KETUA EDITOR

Rosyila Abdul Latif

Pegawai Perhubungan Awam

Siti Mariani Ayob

Pegawai Perhubungan Awam

Nadhilah Shariffuddin

Penolong Pegawai Perhubungan Awam

SIDANG PENGARANG

- Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia
- Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia
- Jabatan Perumahan Negara
- Jabatan Kerajaan Tempatan
- Jabatan Landskap Negara
- Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara
- Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp)
- Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata
- Institut Latihan Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan
- Bahagian Undang-undang
- Bahagian Dasar dan Inspektorat
- Bahagian Kewangan dan Perolehan
- Bahagian Akaun
- Bahagian Pembangunan dan Pelaksanaan Projek
- Bahagian Khidmat Pengurusan
- Bahagian Keurusetiaan Strategik dan Hubungan Antarabangsa
- Bahagian Pemberi Pinjam Wang dan Pemegang Pajak Gadaai
- Bahagian Kesejahteraan Bandar
- Bahagian Perkhidmatan Perbandaran
- Bahagian Sumber Manusia
- Bahagian Teknologi Maklumat
- Unit Audit Dalam
- Unit KPI
- Unit Integriti

PENERBIT

Unit Komunikasi Korporat



Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd. Najib Tun Abdul Razak melancarkan tiga dokumen utama Rancangan Pemajuan Nasional (RPN) di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya baru-baru ini. Beliau diiringi Tan Sri Noh Omar dan Datuk Haji Mohammad bin Mentek.

Rujukan utama pembangunan negara

Perdana Menteri lancar tiga dokumen RPN

PERDANA Menteri, Dato' Sri Mohd. Najib Tun Abdul Razak melancarkan tiga dokumen utama di bawah Rancangan Pemajuan Nasional (RPN) yang bertujuan mencorakkan pembangunan negara secara efisien dan mampan di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) baru-baru ini.

Tiga dokumen yang akan menjadi rujukan utama itu adalah Rancangan Fizikal Negara Ketiga (RFN Ke-3), Dasar Perbandaran Negara Kedua (DPN2) dan Dasar Perancangan Fizikal Desa Negara (DPF Desa Negara).


Perdana Menteri berkata, RPN merupakan polisi perancangan fizikal yang dapat menentukan hala tuju negara ke arah yang lebih dinamik, seimbang dan berdaya saing dalam menangani cabaran pembangunan masa hadapan.

“Penyediaan RPN ini yang selaras dengan Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK-11) memastikan pembangunan berlaku dengan seimbang dan saksama di setiap ceruk rantau, tidak kira kampung, desa, mahupun bandar,” katanya ketika berucap melancarkan ketiga-tiga dokumen berkenaan.

Yang turut hadir, Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh Omar dan Timbalannya, Datuk Halimah Mohd. Sadique serta Ketua Setiausaha Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Haji Mohammad bin Mentek.

Menurut Mohd. Najib, dokumen-dokumen yang dihasilkan oleh PLANMalaysia itu mengambil kira kadar urbanisasi di negara ini yang dijangka mencecah 77 peratus pada 2020 dan 85 peratus pada 2040 serta penduduk di kawasan desa yang dijangka menurun kepada 23 peratus pada 2020 dan 15 peratus menjelang 2040.

“Dokumen perancangan ini sememangnya berpaksi kepada manifestasi dan mengambil kira kemahuan serta aspirasi dan keperluan setiap lapisan masya-



Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd. Najib Tun Abdul Razak melihat dokumen RFN Ke-3 bersama Tan Sri Noh Omar dan Datuk Haji Mohammad bin Mentek.

rakat di negara ini,” ujarinya.

Beliau memberitahu, dokumen-dokumen itu juga mengambil kira unjuran populasi penduduk berusia 60 tahun ke atas akan meningkat hampir 20 peratus pada 2040.

Katanya, ketiga-tiga dokumen yang dihasilkan itu amat penting untuk pembangunan lestari bagi menghadapi globalisasi dan kepesatan pembangunan selain memastikan golongan isi rumah berpendapatan rendah (B40) dan pertengahan (M40) tidak terpinggir dalam penyediaan rumah mampu milik.

Dalam pada itu, Noh dalam ucapan-

nya berkata, PLANMalaysia yang sebelum ini dikenali sebagai Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (JPBD) telah berbincang dengan pelbagai pihak untuk menyediakan tiga dokumen berkenaan termasuk dengan agensi-agensi di peringkat Persekutuan, negeri dan tempatan selain pertubuhan bukan kerajaan (NGO), sektor swasta, institusi pengajian tinggi dan orang awam.

“Dengan adanya ketiga-tiga dokumen perancangan spatial yang merangkumi kawasan bandar dan desa, maka dengan ini telah lengkaplah sistem dan pelan perancangan negara kita, khususnya di seluruh Semenanjung Malaysia,” katanya.

Sultan Selangor rasmi Masjid Al-Jannah di Tanjong Karang

SULTAN Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah berkenan merasmikan Masjid Al-Jannah di Kampung Haji Razali, Tanjong Karang, Selangor baru-baru ini.

Keberangkatan tiba baginda disambut oleh Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan merangkap Ahli Parlimen Tanjong Karang, Tan Sri Noh Omar dan Pegawai Daerah Kuala Selangor, Shamsul Shahril Badliza Mohd. Noor.

Masjid itu dibina di atas tanah yang diwakafkan dan kerja-kerja pembinaan bermula pada Julai 2009 serta disiapkan pada April

2010.

Kos pembinaan masjid berkenaan dibiayai melalui dana sebanyak RM1.6 juta yang disumbangkan pelbagai pihak.

Masjid Al-Jannah mempunyai ruang solat yang berupaya memuatkan kira-kira 300 jemaah pada satu-satu masa.

Dalam majlis yang sama, Sultan Sharafuddin berkenan menyampaikan sumbangan Aidilfitri berjumlah RM186,000 kepada 372 fakir miskin dan mualaf.

Baginda seterusnya berbuka puasa serta menunaikan solat maghrib dan isyak serta solat sunat tarawih bersama rakyat.



▲ Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah menandatangani plak perasmian Masjid Al-Jannah.



◀ Tan Sri Noh Omar mempersembahkan cenderahati kepada Sultan Sharafuddin Idris Shah pada majlis perasmian Masjid Al-Jannah di Kampung Haji Razali, Tanjong Karang, Selangor baru-baru ini.

Sultan Sharafuddin Idris Shah menyampaikan sumbangan Aidilfitri kepada seorang penerima.



I-KPKT melatih kakitangan PBT seluruh negara

INSTITUT Latihan Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (I-KPKT) yang ditubuhkan pada Januari 2008 berperanan menyediakan latihan kepada pegawai dan kakitangan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di seluruh negara.

Sebanyak enam program latihan disediakan di bawah I-KPKT iaitu Pusat Pengajian Landskap, Perumahan, Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, Perancangan Bandar dan Urbanisasi, Kerajaan Tempatan dan Pemahaman serta Pusat Pengajian Penguatkuasaan Undang-undang.

Selain itu, institut ini juga berperanan sebagai pusat pengumpulan maklumat, pusat rujukan dan khidmat nasihat kepada PBT dalam bidang teknologi, perkembangan produk dan perkhidmatan, penggubalan dasar, perancangan dan pelaksanaan program serta projek.

I-KPKT merupakan salah satu agensi di bawah Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dan statusnya adalah setaraf dengan jabatan atau bahagian di kementerian.

Penubuhan institut ini bertujuan untuk memberikan kefahaman terhadap dasar-dasar semasa kerajaan seperti Dasar Perbandaran Negara, Dasar Perumahan Negara, Dasar Pengurusan Sisa Pepejal Negara dan lain-lain.

Selain itu, penubuhan institut ini juga bertujuan memberikan kefahaman terhadap undang-undang dan kaedah penguatkuasaan akta dan garis panduan



Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Dr. Ali Hamsa (dua dari kiri) dan Ketua Setiausaha Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Haji Mohammad bin Mentek (dua dari kanan) menghadiri program anjuran I-KPKT baru-baru ini.

yang berkait dengan PBT seperti Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171), Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172), Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1984 (Akta 133), Akta Bangunan dan Harta Bersama (Penyenggaraan Dan Pengurusan) 2007 (Akta 663), Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984 serta Garis panduan Perancangan Bandar, Landskap dan Perumahan.

Fungsi I-KPKT pula adalah untuk melaksanakan latihan mengenai pe-

nempatan manusia, persekitaran dan kualiti hidup, perancangan dan pengurusan bandar serta perkhidmatan perbandaran melalui kajian ke atas demografi, migrasi, sosiobudaya, ekonomi, pembangunan teknologi, pengurusan, perubahan teknologi dan perkembangan semasa pentadbiran negara.

Institut ini juga akan melaksanakan program latihan kepada semua peringkat kakitangan dalam sektor berkaitan bagi meningkatkan pengetahuan, kemahiran

teknikal dan pentadbiran serta menganjurkan persidangan, seminar dan bengkel berkaitan perumahan dan kerajaan tempatan di peringkat tempatan dan antarabangsa.

Kursus dalam I-KPKT terbuka kepada anggota-anggota PBT di seluruh negara.

Permohonan atau maklumat mengenai kursus ini boleh didapati menerusi laman web <https://slb.kpkt.gov.my/slb/> atau dengan menghubungi talian 09-2229000.

Salam NUZUL QURAN

12 JUN 2017 BERSAMAAN 17 RAMADHAN 1438H

TAN SRI NOH HAJI OMAR

Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan.
Pengerusi Barisan Nasional Selangor.
Ahli Parlimen Tanjung Karang.
Pengerusi MPTNG.

Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh Omar merasmikan Bengkel Perancangan Strategik di bawah program I-KPKT baru-baru ini. Yang turut hadir Timbalannya, Datuk Halimah Mohamed Sadique.

BENGKEL PERANCANGAN PELAN INDUK KESEJAHTERAAN

UCAPTAMA & PERAJAN
YB. TAN SRI NOH OMAR
Mentri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan



Tan Sri Noh Omar menanam pokok sebagai simbolik pelancaran Bengkel Perancangan Strategik sambil diperhatikan Datuk Halimah Mohamed Sadique baru-baru ini.



Tan Sri Noh Haji Omar

Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

#TanyaMenteriKPKT #Parlimen2017

1 Setakat Julai 2016, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) melaporkan sejumlah RM64 juta tunggakan sewa gagal dilaksanakan oleh penghuni rumah Projek Perumahan Rakyat (PPR). Apakah faktor-faktor yang menyebabkan penghuni gagal atau enggan membayar sewa walaupun kadar sewanya cuma RM124?

Antara punca yang menyebabkan tunggakan ini berlaku adalah daripada dua pihak.

✓ Pertama, penyewa-penyewa rumah PPR ini yang terdiri daripada orang yang miskin, yang pendapatannya RM2,500 ke bawah atau dahulu mereka tinggal di kawasan setinggan. Apabila mereka duduk, mereka tidak mampu membayar RM124 sebulan, maka itulah berlakunya tunggakan dan mungkin mereka menganggap bahawa ini adalah rumah mereka. Walaupun kita beritahu rumah ini adalah rumah sewa yang mesti dibayar setiap bulan.

✓ Kedua, pihak berkuasa tempatan (PBT) yang diamanahkan untuk menguruskan rumah PPR namun rumah PPR ini tidak terurus. Kalau kita pergi rumah PPR, lifnya tidak terurus. Ada tiga lif, di satu kawasan ketiga-tiga lif tidak berfungsi. Keadaan persekitaran yang agak kotor, sampah tidak dikutip, ertinya kawasan itu sudah jadi kawasan 'setinggan'. Jadi bayangkan, bagaimana penyewa hendak membayar sewa? Ini kerana ada yang bayar dan ada yang tidak. Bagi

MENTERI JAWAB

mereka yang bayar, mereka mesti tidak puas hati. Dia kata mengapa mesti saya bayar kalau perkhidmatannya cukup teruk. Salah satu puncanya juga adalah kerana PBT gagal menyelenggarakan rumah PPR ini dengan sebaiknya.

✓ Oleh kerana itu, kementerian sedang merancang bagaimana cara yang terbaik untuk memastikan sewa dibayar kepada PBT. Antaranya supaya sewa ini dimasukkan sebagai cukai taksiran dan sebagainya bagi memastikan penyewa bayar dan PBT mampu untuk menyelenggarakan PPR.

■ Sidang Dewan Rakyat, 14 Mac 2017

2 Apakah komitmen kerajaan untuk membantu orang-orang miskin yang berpindah ke rumah-rumah kos rendah dan Projek Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT)? Dalam beberapa tahun yang akan datang mereka tidak dapat menjelaskan bayaran ansuran. Oleh sebab itu, pihak bank melelong rumah tersebut. Sekarang, mereka bukan sahaja hilang tempat tinggal, malah hilang juga rumah milik mereka sebab bank mengambil tindakan untuk melelong rumah-rumah tersebut.

Apabila rumah itu dilelong, ia dibeli oleh orang-orang yang mempunyai kemampuan untuk membeli rumah-rumah tersebut. Didapati kadangkadangkang di satu-satu kawasan, tiga atau empat unit rumah ini dimiliki oleh seorang individu yang kaya. Padahal rumah itu pada asalnya dibina untuk menjaga kebajikan orang-orang miskin.

✓ Ada PPR yang hendak dimiliki, hendak dijual tetapi pihak pembeli tidak layak mendapat pinjaman daripada bank. Oleh sebab itu, kita dapati ada beberapa rumah PPR, orang yang kita sudah tapis, mereka ini layak untuk memiliki dan membeli rumah PPR. Akan tetapi kelayakan orang yang layak membeli rumah ini tidak dapat kelulusan daripada bank.

✓ Rumah yang harganya purata lebih kurang RM150,000, RM160,000 harga rumah kita jual kepada rakyat RM35,000 sahaja. Ertinya, bagi sebuah rumah PPR ini, subsidiya lebih RM100,000.

✓ Kemudian, apabila kita dapati mereka ini tidak layak pinjam bank, kita kenalkan pula dasar baharu iaitu dasar Rent-to-Own, sewa untuk dimiliki di mana mereka ini apabila memasuki rumah PPR ini, mereka tidak perlu membayar apa-apa deposit. Duduk sana dua tahun tempoh percubaan, kemudian apabila cukup 20 tahun, rumah ini menjadi milik mereka.

✓ Ketiga, kami sekarang sedang buat pemutihan. Kita sedang kaji bukan sahaja mereka yang mempunyai lebih daripada satu rumah, mungkin juga rumah mereka ini disewa kepada orang lain ataupun digunakan sebagai homestay, ini semuanya bercanggah daripada syarat-syarat yang kita kenakan. Oleh kerana itu saya juga hendak menyeru, semua pihak berkuasa negeri hendaklah bersamasama dengan kerajaan turun padang, kita buat pemutihan, bantu kami untuk memastikan hanya mereka yang layak sahaja dapat.

✓ Nama mereka yang layak dapat, nama ini diwajibkan untuk dipamerkan di tempat-tempat awam supaya orang ramai boleh melihat mereka yang terpilih ini layak ataupun tidak layak. Seperti contoh, di Kampung Hassan di Hulu Selangor, daripada 150, ada empat orang yang dibantah. Katanya empat orang ini tidak layak memiliki rumah tersebut. Jadi di KPKT, oleh kerana rumah ini murah dan subsidiya tinggi kita akan membuat setulus yang mungkin untuk memastikan mereka yang layak sahaja dapat dan tidak disalahgunakan rumah yang kita sediakan ini.

■ Sidang Dewan Rakyat, 14 Mac 2017





Rumah NBOS di Bukit Besi, Terengganu.



Rumah NBOS di Tangkak, Johor.



Rumah NBOS di Pulai Chondong, Kelantan.

Projek Pembinaan Semula Rumah NBOS

PROJEK Pembinaan Semula Rumah atau My Beautiful Neighbourhood (Kejiranan Indah) merupakan salah satu program di bawah Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) yang diilhamkan oleh Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd. Najib Tun Abdul Razak bagi mengubah sistem penyampaian awam dan menjayakan Program Transformasi Kerajaan (GTP).

Mulai Jun 2012, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah dipertanggungjawabkan untuk membina semula rumah bagi golongan tertentu seperti golongan yang kurang berkemampuan dan orang kurang upaya (OKU).

Setiap projek yang dibina oleh anggota-anggota bomba dengan kerjasama



ma agensi-agensi kerajaan dan swasta mengambil masa sekurang-kurangnya selama 30 hari untuk disiapkan.

Rumah yang berkeluasan antara 600 kaki persegi atau 20 x 30 kaki persegi memerlukan peruntukan sebanyak RM40,000 di Semenanjung Malaysia manakala di Sabah, Sarawak dan Labuan memerlukan peruntukan sebanyak RM50,000.

Pada masa sama, projek-projek yang dijalankan diharap dapat mem-

beri impak yang tinggi kepada golongan sasaran.

Dalam usaha melaksanakan projek ini, konsep perkongsian atau kolaborasi antara agensi dipraktikkan secara meluas bagi mengurangkan kos atau menjadikan penggunaan kos yang minimum dalam melaksanakan sesetengah projek.

Secara tidak langsung, pelaksanaan projek dapat dilakukan dengan pantas dan terus kepada rakyat.

KRITERIA PROJEK NBOS

- Calon terdiri daripada mangsa kebakaran atau golongan miskin yang kurang berkemampuan.
- Pembinaan rumah di atas tanah milik persendirian iaitu milik penghuni rumah itu sendiri.
- Fokus utama kepada kumpulan sasar seperti ibu tunggal, bapa tunggal atau warga tunggal / orang kurang upaya (OKU) serta kurang berkemampuan / miskin.
- Tidak mendapat peruntukan atau bantuan daripada mana-mana pihak.

RINGKASAN PELAKSANAAN PROJEK

JUMLAH DAN KOS

Tahun	Jumlah	Kos (RM)
2012	5	181,400
2013	20	732,745.90
2014	34	1,297,000
2015	30	1,270,000
2016	47	1,968,000

JUMLAH KESELURUHAN

136

JUMLAH KOS (RM)

5,449,145.90



Rumah NBOS di Petrajaya, Sarawak.



Rumah NBOS di Sungai Petani, Kedah.

BICARA MENTERI

Bantu rakyat tanpa mengira fahaman politik

ASSALAMUALAIKUM dan Salam Negaraku kepada semua pembaca dan saya berharap agar bulan Ramadhan ini terus memberi keberkatan kepada kita semua. Minggu ini, saya ingin memulakan bicara tentang isu yang telah berulang kali berlaku dan menimbulkan masalah kepada rakyat iaitu pembuangan sampah secara haram dan yang lebih teruk lagi, kebakaran yang berlaku di sana.

Pada hari Rabu yang lepas, saya telah melawat tempat pembuangan sampah haram yang terbakar di Kampung Limau Manis yang terletak berdekatan dengan Putrajaya setelah menerima aduan daripada penduduk di sekitar kawasan sana. Asap dari pembakaran di tempat pembuangan sampah haram ini amat tidak menyenangkan dan saya diberitahu, asap yang terhasil juga mencecah kadar Indeks Pencemaran Udara (IPU) yang tidak sihat.

Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) telah berkhemah selama lebih empat hari di sana bagi membantu mengawal kebakaran ini, namun saya juga diberitahu bahawa usaha anggota-anggota saya ini hanya dapat membantu mengawal kebakaran secara minimum kerana

» *Kesejahteraan rakyat sentiasa menjadi agenda perjuangan dan perkhidmatan saya sebagai pemimpin tanpa mengira sempadan politik.*

jalan penyelesaian utama adalah untuk menutup selamat tapak pembuangan haram ini.

Dalam hal ini, Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) hanya dapat membantu mengurangkan kesan pembakaran ini tetapi ingin saya tekankan di sini bahawa tanggungjawab menutup selamat tapak pembuangan haram ini adalah terletak di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri dan dalam kes ini adalah Kerajaan Negeri Selangor.

Saya telah menegaskan isu ini kepada Kerajaan Negeri Selangor dan saya berharap agar mereka dapat mengambil tindakan segera

demi keselamatan dan kesejahteraan penduduk di sekitar kawasan tersebut. Saya juga berharap agar tiada pihak yang akan mempolitikkan isu ini dan semua pihak terbabit sentiasa meletakkan kebajikan rakyat sebagai keutamaan.

Kesejahteraan rakyat sentiasa menjadi agenda perjuangan dan perkhidmatan saya sebagai pemimpin tanpa mengira sempadan politik. Pada minggu lepas, saya telah melawat beberapa kawasan di Sepang, terima kasih saya ucapkan kepada pemimpin tempatan yang telah mengaturkan perjumpaan-perjumpaan saya bersama penduduk di sana serta memberi peluang kepada KPKT untuk membantu.

Saya telah berkesempatan melawat komuniti nelayan di Batu Laut dan memberi bantuan untuk membina Dewan Komuniti yang bernilai RM250,000 bagi menyediakan ruang buat nelayan di sana menjalankan aktiviti kemasyarakatan. Para nelayan adalah golongan rakyat yang dekat di hati saya memandangkan saya juga berasal dari lingkungan keluarga nelayan.

Alhamdulillah, saya dapat menghulurkan sedikit bantuan kepada mereka. Saya juga telah dibawa oleh pemimpin tempatan

melawat perkampungan masyarakat Orang Asli di mana saya juga telah meluluskan peruntukan membina gelanggang futsal untuk mereka yang bernilai RM400,000. Seronok saya dapat beramah mesra bersama komuniti Orang Asli di sana yang masih mengekalkan tradisi mereka walaupun telah giat membangun seiring dengan arus pemodenan di Malaysia.

Semasa lawatan di Sepang saya turut dibawa melawat keluarga yang menghadapi masalah pembinaan rumah dan atas dasar prihatin saya turut memberi bantuan rumah baharu untuk mereka.

Lawatan ke tapak pembuangan sampah haram dan kawasan Sepang antara aktiviti turun padang saya pada minggu lepas dan insya-Allah, saya akan meluangkan masa untuk melawat rakyat di kawasan yang lain. Seperti yang telah saya tekankan, perbezaan politik tidak harus menjadi faktor dalam membantu rakyat dan sebagai Menteri di KPKT, insya-Allah saya akan terus berkhidmat kepada rakyat dalam meningkatkan kesejahteraan hidup.

TAN SRI NOH OMAR

Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

SENYUM SIKIT

Oleh MARO






Sumbangan Ramadhan

Tan Sri Noh Omar menyampaikan sumbangan dalam Majlis Jalinan Mesra Ramadhan 1428H/2017M anjuran JBPM di Putrajaya pada 8 Jun lalu. Yang turut hadir, Datuk Halimah Mohamed Sadique, Datuk Haji Mohammad Mentek dan Ketua Pengarah JBPM, Datuk Wan Mohd. Nor Ibrahim.



Lawatan panel

Timbalan Ketua Setiausaha (Kesejahteraan Bandar) KPKT, Datuk Halimi Abd. Manaf dan panel-panel penilai dari Kementerian melawat konti Radio Majlis Bandaraya Ipoh (MBI) bersempena Lawatan Panel Penilai Anugerah Inovasi Pihak Berkuasa Tempatan (AIPBT) 2017 di Ibu Pejabat MBI, Ipoh, Perak pada 2 Jun lalu.



Jom Umrah

Program Jom Umrah Bersama Badan Kebajikan dan Sukan KPKT (KESKEP) yang dianjurkan secara bersama dengan Tabung Haji Travel and Services Sdn. Bhd. (THTS) pada 6 Jun lalu.



Pameran WUF9

Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd. Najib Tun Abdul Razak meluangkan masa melawat pameran Forum Bandar Sedunia Ke-9 (WUF9) yang diadakan bersempena dengan Majlis Pelancaran Rancangan Dasar Perancangan Fizikal Negara Ke-3, Dasar Perbandaran Negara Ke-2 dan Dasar Perancangan Fizikal Desa Negara di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya pada 8 Jun lalu. Beliau turut mendengar penerangan yang disampaikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Kesejahteraan Bandar Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Datuk Haji Mohammad bin Mentek.



Singgah Sahur

Seramai 30 orang ahli Kelab Media Johor (KMJ) menyertai Program Singgah Sahur 2017 anjuran kelab itu dengan kerjasama Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBPM) Negeri Johor di Balai Bomba dan Penyelamat Pasir Gudang, Johor pada 6 Jun lalu.



Ziarah

Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Halimah Mohamed Sadique menziarahi penduduk yang uzur di kampung berdekatan Pengkalan Nelayan Batu Laut, Sepang, Selangor pada 5 Jun lalu.



Taklimat MKN

Kunjungan hormat dan taklimat ringkas mengenai Majlis Keselamatan Negara (MKN) oleh Ketua Pengarahnya, Tan Sri Dr. Zulkifeli Mohd. Zin kepada pengurusan tertinggi KPKT yang diketuai Datuk Haji Mohammad bin Mentek pada 7 Jun lalu.



Gelanggang futsal

Tan Sri Noh Omar diberi penerangan oleh Ketua UMNO Bahagian Sepang, Datuk Marsum Paing semasa melawat gelanggang futsal di Kampung Orang Asli Tanjung Sepat di Sepang, Selangor pada 6 Jun lalu.



Operasi sampah haram

Operasi penguatkuasaan secara NBOS oleh Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) Wilayah Persekutuan bersama-sama dengan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) di lokasi pembuangan sampah haram di kawasan Bukit Jalil dan Taman Taynton View, Cheras pada 6 Jun lalu.



KPKT sentiasa memantau operasi yang dijalankan syarikat pemberi pinjam wang berlesen (PPW) dan pemegang pajak gadai (PPG) di seluruh negara.

Tindakan tegas terhadap PPW, PPG langgar peraturan

KEMENTERIAN Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) tidak akan memberi muka kepada syarikat pemberi pinjam wang berlesen (PPW) dan pemegang Pajak Gadai (PPG) yang didapati gagal mematuhi peruntukan undang-undang dan peraturan di bawah Akta Pemberi Pinjam Wang 1951 dan Akta Pemegang Pajak Gadai 1972.

Setiausaha Bahagian Pemberi Pinjam Wang dan Pemegang Pajak Gadai KPKT, Ahmad Nizam Norali berkata, berdasarkan statistik sehingga Mei tahun ini, sebanyak 56 kes telah didaftarkan iaitu 30 kes masih dalam sebutan, 26 kes telah dituduh dan dijatuhkan hukuman oleh mahkamah.

Beliau berkata, jumlah tersebut lebih tinggi berbanding hanya 11 kes yang dijatuhkan hukuman pada tahun 2016 dan 19 kes pada tahun 2015.

"Antara kesalahan yang dilakukan syarikat pemberi pinjam wang berlesen ialah menjalankan perniagaan tanpa lesen sah, tidak mempunyai permit iklan dan gagal menghantar laporan transaksi tahunan. Terdapat juga kes melibatkan pengenaan kadar bunga yang tinggi oleh PPW," katanya.

Ahmad Nizam memberitahu, peningkatan jumlah kes yang dijatuhkan hukuman pada tahun ini adalah disebabkan inovasi proses kerja yang dilakukan pegawai KPKT apabila proses siasatan tidak mengambil masa yang lama.

"Selain itu, kita juga menetapkan petunjuk prestasi utama (KPI) kepada setiap pegawai untuk menyelesaikan sekurang-kurangnya lima kes berkaitan PPW dan PPG pada setiap bulan," katanya.

Ahmad Nizam berkata, pada masa ini, sebanyak 3,630 PPW dan 489 PPG berlesen beroperasi di seluruh negara.

Beliau memberitahu, peminjam juga perlu menyedari hak masing-masing bahawa mereka berhak diberikan penyata atau maklumat tidak mengeliru-

» *Antara kesalahan yang dilakukan syarikat pemberi pinjam wang berlesen ialah menjalankan perniagaan tanpa lesen sah, tidak mempunyai permit iklan dan gagal menghantar laporan transaksi tahunan.*

Ahmad Nizam Norali



kan bagi setiap proses pinjaman yang dibuat.

"Selain itu, setiap peminjam juga berhak untuk diberikan satu salinan perjanjian secara percuma kerana banyak kes yang berlaku sebelum ini, ada peminjam yang tidak diberikan salinan perjanjian pinjaman.

"Hal ini berpunca kerana mereka kurang pengetahuan atau pendidikan terutama dalam proses permohonan pinjaman sehingga menyukarkan kita mengambil sebarang tindakan sekiranya berlaku masalah," jelasnya.

Sementara itu, untuk hak-hak pemajak, Ahmad Nizam memberitahu, seseorang pemajak gadai berhak untuk mendapatkan salinan surat pajak gadai semasa proses pajak gadai dijalankan.

"Kadar keuntungan adalah dua peratus sebulan atau sebahagian daripadanya dicampur dengan caj pengendalian sebanyak lima puluh sen bagi mana-mana pajakan yang melebihi sepuluh ringgit," jelasnya.

Tambah beliau, orang ramai boleh mengemukakan sebarang aduan berkaitan PPW dan PPG berlesen melalui Sistem Aduan Bersepadu KPKT di laman web kementerian atau hadir sendiri ke BPWG.

STATISTIK PPW, PPG YANG AKTIF		
NEGERI	PPW	PPG
JOHOR	293	67
KEDAH	138	44
KELANTAN	12	12
MELAKA	107	14
N. SEMBILAN	117	25
PAHANG	100	17
PERAK	254	50
PERLIS	11	5
PULAU PINANG	300	40
SABAH	765	29
SARAWAK	395	22
SELANGOR	665	111
TERENGGANU	30	11
KUALA LUMPUR	436	37
LABUAN	5	4
PUTRAJAYA	2	2
JUMLAH	3,630	489



Terdapat sebanyak 3,630 PPW dan 489 PPG berlesen beroperasi di seluruh negara.



Sumbangan yang disampaikan melalui Program Titipan Kasih KPKT bertujuan meringankan beban kewangan penerima.

Program Titipan Kasih kurangkan beban rakyat

PROGRAM Titipan Kasih yang juga dikenali sebagai 'Food Basket' merupakan salah satu program utama yang dilaksanakan Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) bagi membantu mengurangkan beban kewangan keluarga melalui pemberian RM80 sebulan yang dikreditkan dalam MyKad.

Di bawah Program Pembasmian Kemiskinan Bandar (PPKB) serta kerjasama Yayasan MyKasih, ia telah disempurnakan pada 19 September 2016 dengan tempoh pelaksanaan selama dua tahun

iaitu pada 2016 dan 2017.

Melalui bantuan ini, Ketua Isi Rumah (KIR) yang layak menerimanya boleh membuat pembelian barang-barang keperluan asas di kedai-kedai terpilih yang berdaftar.

Setakat ini, sebanyak RM2 juta telah diagihkan kepada 1,800 peserta melalui pelaksanaan program Titipan Kasih bagi aktiviti Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA).

Sehingga 31 Mei 2017, sebanyak 1,818 KIR telah menikmati bantuan program Titipan Kasih.



Bantuan Program Titipan Kasih diberikan kepada penerima yang memenuhi kriteria ditetapkan.




Penyampaian sumbangan kepada salah seorang penerima bantuan Program Titipan Kasih KPKT di Langkawi, Kedah pada November tahun lalu.

Pelaksanaan Program Titipan Kasih

Kadar bantuan bulanan sebanyak
RM80
 bagi setiap KIR

Dilaksanakan dengan **kerjasama** badan bukan kerajaan Yayasan MyKasih

KIR tidak diberikan wang tunai sebaliknya **menggunakan MyKad** untuk dilarikkan pada mesin pengimbas yang dipasang di kedai-kedai terpilih



Saluran Aduan KPKT



Aduan dalam talian melalui laman web KPKT:
www.kpkt.gov.my

Laman web Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh Omar:
www.nohomar.my

E-mel Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh Omar:
aduanmenteri@kpkt.gov.my

Talian aduan Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal (SWCorp): **03-83124040**

Aduan PBT menerusi aplikasi telefon pintar iKepoh:
<http://ikepoh.kpkt.gov.my/>

Facebook **KPKT MALAYSIA**

Instagram **KPKT**

Twitter **@kpkt_gov**

YouTube **KPKT Malaysia**

Portal Talian Indahkan Malaysia (aduan kutipan sampah):
<http://www.aduansisa.my/>

Talian Aduan Kutipan Sampah dan Pembersihan Awam:
1-800-88-7472

KPKT gesa pihak bertanggungjawab tutup selamat tapak pembuangan sampah haram

ADUAN penduduk Kampung Limau Manis di Dengkil, Selangor berhubung kegiatan pembuangan sampah secara haram di kawasan berkenaan diberi perhatian sewajarnya oleh Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT).

Malah, Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh Omar turun padang ke lokasi tapak pembuangan sampah haram itu untuk melihat sendiri masalah yang berpunca daripada perbuatan segelintir pihak yang tidak bertanggungjawab.

Menurut beliau, KPKT bersedia membantu walaupun masalah itu sepatutnya ditangani oleh pihak bertanggungjawab.

"Untuk jangka masa pendek, KPKT boleh membantu dengan melibatkan khidmat Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) bagi memadamkan kebakaran di kawasan ini.

"Namun, pada masa sama, pihak bertanggungjawab perlu bertindak secara proaktif dalam menyelesaikan aduan yang dihadapi penduduk Kampung Limau Manis sejak hampir 10 tahun lalu," katanya.

Yang turut hadir, Ketua UMNO Bahagian Sepang, Datuk Marsum Paing; Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Dengkil, Shahrum Mohd. Sharif dan Ketua Pengarah JBPM, Datuk Wan Mohd. Nor Ibrahim.

Noh turut menyarankan kepada pihak bertanggungjawab untuk mengambil tindakan



Tan Sri Noh Omar meninjau tapak pelupusan sampah haram di Kampung Limau Manis, Sungai Merab, Selangor baru-baru ini.

menutup tapak pembuangan sampah haram tersebut yang dianggarkan memerlukan peruntukan kira-kira RM16 juta.

Beliau memberitahu, tindakan itu perlu dilakukan berikutan laporan Jabatan Alam Sekitar yang menyatakan Indeks Pencemaran Udara (IPU) di kawasan berkenaan kini di tahap tercemar dan berbahaya.

Noh menambah, kewujudan tapak pelupusan sampah haram terbabit telah menyebabkan penduduk di sekitarnya

termasuk di Putrajaya terpaksa berdepan masalah kesihatan ekoran terpaksa menghidu asap sampah yang dibakar.

"Isu ini sebenarnya adalah di luar bidang kuasa KPKT kerana pihak bertanggungjawab masih belum menandatangani Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 (Akta 672) yang membolehkan kita mengambil tindakan terhadap aduan berkaitan pengurusan sisa pepejal di negeri berkenaan," jelasnya.

ALBUM
BULETIN
BANDAR



UTC dan Pasar Tani Kuantan, Pahang.



Program Ziarah Kasih Parlimen Alor Setar, Kedah bersama Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Ahmad Bashah Md. Hanipah, Pengerusi Lembaga Tabung Haji, Datuk Seri Abdul Azeez Abdul Rahim dan Ahli Lembaga Pengarah Lembaga Tabung Haji, Tan Sri Shukry Mohd. Salleh.



Perpustakaan Awam Negeri Johor, Johor Bahru.



Hospital Putrajaya bersama Pengarah Urusan QSR Brands (M) Holdings Sdn. Bhd. (QSR Brands), Datuk Ahmad Zaki Zahid.



Bazar Buluh Kubu, Kota Bharu.



DASAR PERBANDARAN NEGARA KEDUA (DPN2)

TUJUAN

Sebagai satu langkah bagi memastikan pengurusan dan pembangunan bandar dilaksanakan dengan teratur dan mampan di peringkat negara mahupun negeri.

VISI DPN2

- 1 Tadbir Urus Bandar Yang Baik
- 2 Bandar Yang Berdaya Huni
- 3 Ekonomi Bandar Yang Berdaya Saing
- 4 Pembangunan Bandar Yang Inklusif Dan Saksama
- 5 Pembangunan Hijau Dan Persekitaran Bersih



RANCANGAN FIZIKAL NEGARA 3

DOKUMEN PERANCANGAN TERTINGGI
DALAM RANGKA KERJA PERANCANGAN
PEMBANGUNAN FIZIKAL NEGARA :-

- TERJEMAH DASAR-DASAR STRATEGIK
DAN SEKTORAL NEGARA
DALAM KONTEKS
DIMENSI SPATIAL DAN FIZIKAL



PERTUMBUHAN DINAMIK BANDAR DAN LUAR BANDAR (PD)

KEMAMPAHAN SPATIAL DAN DAYA TAHAN TERHADAP PERUBAHAN IKLIM (KD)

PEMBENTUKAN KOMUNITI INKLUSIF DAN BERDAYA HUNI (KI)

1 TERAS
2 TERAS
3 RFN 3

www.kpkt.gov.my [f](#) PLANMalaysia [t](#) @planmalaysia

[t](#) @kpkt_gov [y](#) KPKT Malaysia [f](#) KPKT Malaysia [i](#) kpkt

UNTUK MAKLUMAT LANJUT, SILA LAYARI

HTTP://WWW.TOWNPLAN.GOV.MY



Amri Yahyah (dua dari kiri) bersama rakan sepasukan semasa menjalani latihan bersama skuad kebangsaan tahun lalu.

5 pemain Selangor wakili negara

LIMA pemain Selangor telah dipanggil untuk mewakili negara dalam beberapa perlawanan antarabangsa yang dijadualkan berlangsung mulai bulan ini hingga Ogos. Pengurus The Red Giants, Abdul Rauf Ahmad berkata, dua pemain senior iaitu penyerang berpengalaman, Amri Yahyah, 36, dan penjaga gol, Khairulazhan Khalid, 28, dipilih untuk menyertai skuad Harimau Malaysia kendalian Nelo Vingada.

Selain itu, menurut beliau, tiga pemain muda iaitu Syahmi Safari, 19; Adam Nor Azlin, 21 dan K. Kannan, 21, dipanggil menyertai latihan pusat skuad bawah 22 tahun negara di Padang Wisma FAM, Kelana Jaya, Selangor.

"Kita berbangga dengan pemilihan tersebut dan berharap Selangor akan

terus dapat melahirkan ramai lagi pemain-pemain muda yang boleh diserapkan dalam pasukan kebangsaan suatu masa nanti. Insya-Allah," katanya.

Abdul Rauf menambah, Selangor sememangnya terkenal dengan reputasi sebagai kilang yang melahirkan pemain-pemain bertaraf nasional dan antarabangsa termasuk pemain-pemain legenda yang pernah mengharumkan nama negara iaitu Allahyarham Datuk Mokhtar Dahari dan mendiang Datuk R. Arumugam.

Beliau juga berpandangan, kelima-lima pemain Selangor terbabit dipilih berdasarkan pengalaman dan prestasi mereka ketika beraksi dalam Liga Super.

"Pada pengamatan saya, mereka merupakan pemain yang berpengalaman dan boleh membantu

pasukan kebangsaan untuk mencipta kemenangan," katanya.

Kem latihan pusat Skuad Harimau Malaysia sedang berlangsung di Pusat Latihan Padang Seri Gelam, Johor Baharu bagi mempersiapkan pasukan untuk menghadapi perlawanan sulung dalam pusingan kelayakan Piala Asia 2019 menentang Lebanon di Stadium Tan Sri Hassan Yunus, Larkin pada 13 Jun ini.

Sementara itu, pasukan bawah 22 tahun negara berada di China mulai 8 hingga 16 Jun untuk beraksi dalam tiga perlawanan persahabatan sebelum kembali ke tanah air dan berlatih sehingga 23 Jun ini bagi persiapan Kejohanan Bawah 23 AFC 2018 di Thailand pada Julai ini serta Sukan SEA 2017 Ogos nanti.



KEDUDUKAN LIGA SUPER 2017

PASUKAN	P	M	S	K	J	K	MATA
JDT	13	9	3	1	29	11	30
Pahang	13	7	3	3	31	17	24
Kedah	13	6	6	1	27	18	24
Perak	13	4	6	3	18	22	18
SELANGOR	13	4	5	4	17	16	17
Felda	13	4	5	4	16	15	17
T-Team	13	5	4	4	19	21	16
Kelantan	13	6	2	5	26	21	14
PKNS	13	2	5	6	22	26	11
Sarawak	13	2	5	6	12	18	11
Melaka	13	2	5	6	13	28	11
P. Pinang	13	1	3	9	10	27	6

Setakat 11 Jun 2017

Tajaan Sukan SEA lepasi sasaran RM80 juta

NILAI tajaan bagi penganjuran Sukan SEA 2017 mencatatkan jumlah RM82.65 juta setakat Mei lalu, sekali gus melepasi sasaran RM80 juta yang ditetapkan.

Menteri Belia dan Sukan, Khairy Jamaluddin berkata, jumlah tersebut adalah bersamaan 103 peratus daripada sasaran yang telah ditetapkan oleh Jawatankuasa Pengelola Malaysia KL2017 (Masoc).

"Daripada jumlah tersebut, RM25 juta adalah tunai manakala hampir RM58 juta dalam bentuk barangan," katanya dalam sidang akhbar di Kuala Lumpur baru-baru ini.

Mengulas lanjut, Khairy berkata, Masoc telah menerima tajaan perak daripada Royal Selangor baru-baru ini sekali gus membolehkan tajaan



KL2017 melepasi sasaran ditetapkan.

"Royal Selangor bukan sahaja memberi tajaan tunai tetapi turut menghasilkan pingat, obor dan bertonjok bagi KL2017 sekali gus menjadi Rakan Pingat Rasmi.

"Malah, Royal Selangor turut menghasilkan beberapa cenderamata yang bakal dijual dan lima peratus daripada jualan tersebut akan diperolehi Masoc sebagai royalti," katanya.



Ketua Kontinjen Sukan SEA 2017, Datuk Marina Chin (kiri) memberi kata-kata semangat kepada pasukan hoki wanita negara yang sedang menjalani latihan menjelang Sukan SEA baru-baru ini.

KPKT salur peruntukan RM250,000

Bina dewan komuniti untuk nelayan

MENTERI Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh Omar meluluskan peruntukan sebanyak RM250,000 bagi membina sebuah dewan komuniti di Jeti Nelayan Batu Laut, Sepang, Selangor.

Kelulusan itu diumumkan beliau semasa melawat jeti berkenaan sempena program turun padang di sekitar kawasan Parlimen Sepang baru-baru ini.

Noh berkata, dewan komuniti tersebut akan memberi kemudahan kepada kira-kira 200 nelayan di Batu Laut untuk mengadakan mesyuarat dan berkumpul.

"Peruntukan membina dewan komuniti itu disalurkan melalui inisiatif Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) yang dilaksanakan Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT).

"Selain itu, saya juga meluluskan permohonan peruntukan sebanyak RM30,000 untuk menurap kawasan persekitaran Dewan Persatuan Peladang Sepang," katanya.

Program turun padang itu turut disertai Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Halimah Mohamed Sadique; Ketua UMNO Bahagian Sepang, Datuk Marsum



Masyarakat Orang Asli dari sekitar Hulu Langat menyatakan penghargaan kepada keprihatinan kerajaan membela nasib mereka.

Paing dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Dengkil, Shahrum Mohd. Sharif.

Noh juga meluangkan masa lebih sejam beramah mesra dengan penduduk Kampung Orang Asli Tanjung Sepat dan mendengar permohonan mereka bagi mendapatkan peruntukan kira-kira RM400,000 untuk membina bumbung gelanggang futsal di kampung berkenaan.

"Permohonan tersebut akan dipanjangkan kepada Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU), Jabatan Perdana Menteri

(JPM) untuk penilaian lanjut," jelasnya.

Sementara itu, Noh ketika berucap dalam majlis terbuka puasa bersama para pegawai dan anggota bomba di Balai Bomba dan Penyelamat Sepang menyuarakan cadangan untuk menubuhkan Skuad Bomba Komuniti di setiap Program Perumahan Rakyat (PPR) dan perumahan kos rendah di negara ini.

Menurut beliau, inisiatif tersebut berupaya meningkatkan kesedaran tentang aspek keselamatan kebakaran dalam kalangan penduduk PPR dan perumahan

kos rendah.

"Saya percaya inisiatif ini akan mendapat sambutan yang baik daripada penduduk demi kebaikan bersama," katanya.

Noh memberitahu, Skuad Bomba Komuniti akan dilatih oleh anggota-anggota Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) khususnya dari segi aktiviti menyelamat serta penggunaan peralatan mengawal kebakaran.

Beliau turut mengumumkan kelulusan peruntukan sebanyak RM20,000 daripada KPKT kepada Persatuan Pesara Bomba Selangor bagi membiayai pelbagai aktiviti yang dijalankan persatuan berkenaan.

Dalam pada itu, Noh berkata, program turun padang tersebut membolehkan beliau melihat secara dekat setiap permasalahan yang dibangkitkan masyarakat sekali gus membantu dalam usaha meningkatkan kualiti sistem penyampaian kerajaan.

"Ini yang saya tekankan berkali-kali supaya pemimpin sentiasa dapat bersama-sama dengan rakyat agar kita dapat memahami kehendak dan masalah mereka serta bertindak pantas untuk menyelesaikannya," jelasnya.



Tan Sri Noh Omar melawat Jeti Nelayan Batu Laut semasa turun padang di sekitar kawasan Parlimen Sepang, Selangor baru-baru ini.

Bantu bina semula rumah Minah

NASIB Minah Ahmad, 63, yang kehilangan tempat berteduh setelah rumah yang didiaminya selama 20 tahun dirobohkan kerana isu pemilikan tanah mendapat perhatian Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh Omar.

Noh meluangkan masa melawat warga emas terabit di Kampung Bagan Lalang semasa beliau turun padang ke kawasan Parlimen Sepang baru-baru ini.

Beliau menyatakan perasaan sayu apabila memikirkan tentang kesukaran yang dihadapi Minah lebih-lebih lagi untuk menyambut Aidilfitri tidak lama lagi.

"Kita akan panjangkan perkara ini kepada Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU), Jabatan Perdana Menteri (JPM) untuk mendapatkan peruntukan bagi membina semula rumahnya.

"Dianggarkan perbelanjaan membina rumah baharu itu memerlukan peruntukan sebanyak RM150,000. Saya juga akan pastikan pembinaan rumah warga emas itu dibuat melalui pendekatan Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) di mana Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) akan turut membantu," katanya.

Sementara itu, Minah mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dan bersyukur kerana masalahnya mendapat perhatian dan pembelaan sewajarnya daripada kerajaan.

"Saya tiada tempat untuk mengadu, jika kerajaan tidak hulu bantuan nampaknya saya terpaksa tinggal di khemah sahaja. Bantuan yang bakal diterima juga membuktikan kerajaan peka dengan setiap masalah yang dihadapi oleh masyarakat di luar bandar," katanya.



Minah Ahmad menunjukkan isyarat 'bagus' sebagai tanda penghargaan di atas usaha Tan Sri Noh Omar mendapatkan peruntukan bagi membina semula rumahnya di Kampung Bagan Lalang, Sepang, Selangor baru-baru ini.



Buletin


KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN
NEGARAKU

Bandar

5 – 11 JUN 2017 • 10 – 16 RAMADAN 1438



Prihatin masalah dihadapi rakyat

"Ini yang saya tekankan berkali-kali supaya pemimpin sentiasa dapat bersama-sama dengan rakyat agar kita dapat memahami kehendak dan masalah mereka serta bertindak pantas untuk menyelesaikannya."

TAN SRI NOH OMAR

Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

muka 15

*Turun
padang
kawasan
Parlimen
Sepang*



**Program
Titipan Kasih
inisiatif bantu
rakyat** **muka 11**



**KPKT gesa pihak
bertanggungjawab
tutup selamat
tapak pembuangan
sampah haram**

muka 12



**Lima pemain
Selangor wakili
negara** **muka 14**